

02/12/1998

Firma IT tempatan terima pengiktirafan

Hizral Tazzif Hisham

SEBANYAK lapan syarikat teknologi tempatan (IT) menerima anugerah dalam kategori masing-masing daripada Presiden Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom), Shaifubahrim Saleh kerana kecemerlangan produk dan perkhidmatan yang diberikan sepanjang tahun ini.

Shaifubahrim berkata, walaupun krisis ekonomi sedang melanda ia tidak menjejaskan sambutan syarikat IT tempatan terhadap anugerah tertinggi IT negara yang mana ia menunjukkan pertambahan sebanyak 50 peratus bilangan pencalonan berbanding tahun lalu.

"Sebanyak 31 syarikat layak memasuki peringkat akhir bagi enam kategori yang dipertandingkan berbanding 19 tahun lalu," katanya dalam ucapan di majlis penyampaian anugerah teknologi maklumat Pikom-Computimes di Petaling Jaya, minggu lalu.

Anugerah Pikom-Computimes adalah anugerah yang diberikan kepada syarikat IT tempatan dan organisasi kerajaan atau NGO yang menunjukkan kecemerlangan dalam produk dan perkhidmatan. Ia dianjurkan Pikom dan akhbar sisipan mingguan IT New Straits Times, Computimes.

Pertambahan bilangan penyertaan tidak mengurangkan mutu produk atau perkhidmatan yang dipertandingkan sebaliknya ia semakin meningkat yang mana kebanyakan pemenang sudah mengeksportkan produk mereka ke luar negara.

Katanya, untuk anugerah Pikom-Computimes tahun depan satu kategori baru akan dipertandingkan iaitu anugerah pertubuhan perkhidmatan IT disamping memperluaskan kategori tajuk CD Multimedia dan laman web dengan menekankan kandungan tempatan.

Tahun ini, enam kategori IT dipertandingkan iaitu pertubuhan, produk (perkakasan), produk (perisian aplikasi), produk (aplikasi berdasarkan Internet), laman web terbaik dan tajuk CD multimedia.

Kategori pertubuhan dimenangi Singer (M) Sdn Bhd melalui projek Singer RAC melalui pelaksanaan pusat pentadbiran kawasan yang membenarkan urusan niaga dilakukan secara elektronik pada mana-mana 188 kedai Singer di seluruh negara.

Bagi kategori produk (perkakasan), Computer Protocol (M) Sdn Bhd memenanginya melalui CpIp Voice Gateway yang membolehkan penghantaran suara melalui Internet dan Intranet serta melakukan digitise, memampatkan dan mengubah laluan apabila kesesakan data dialami dalam talian.

Syarikat FCS Systems Sdn Bhd memperolehi kejayaan melalui perisian FCS WinSuite, yang membangunkan sistem telefoni komputer berasaskan Windows NT untuk industri perhotelan.

Selain FCS, Multicentric Technology Sdn Bhd turut memenangi bagi kategori yang sama dengan produk InfoMap, perisian pengurusan maklumat untuk membantu komputer melakukan proses analisis, mengenal pasti corak dan keupayaan inovasi seperti minda manusia.

Bagi produk (perisian aplikasi Internet), perisian sistem operasi NetKIOS yang dikeluarkan NetCard Corporation Bhd untuk kios maklumat bagi capaian ke Internet.

Tajuk CD Multimedia dimenangi Articulate Multimedia Sdn Bhd dengan produk Masa Bercerita Bersama Arti (Story Time with Arti), untuk kanak-kanak berusia empat tahun ke atas. Ia menceritakan empat cerita rakyat di seluruh Asia di samping permainan menguji kemahiran.

Laman Web Terbaik dimenangi BRG Interactive Digital Media Sdn Bhd melalui <http://www.xtremedia.com> dan NetCard Corporation Bhd yang

memaparkan maklumat mengenai keputusan Sukan Komanwel Kuala Lumpur 98 iaitu [www.kualalumpur98.com.my](http://www.kualalumpur98.com.my).

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima anugerah tertinggi Pertubuhan Industri Perkomputeran Asia Oceana (Asocio) kerana sumbangannya melaksana dan mempromosikan penggunaan teknologi maklumat (TM) dan perkembangan industri berkenaan di Malaysia dan rantau Asia dalam majlis makan malam anjuran Pikom dan Asocio.

Sementara pada sebelah pagi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyampaikan ucapan sempena perasmian Asocio 98. Tema persidangan kali ini ialah Kerjasama Serantau Dagangan Teknologi Maklumat - Mara Ke Hadapan Melalui Masa Sukar.

(END)